

Kes cerai meningkat

h. m. 05/07/05 M/S 10

Fenomena 'cerai murahan' disebabkan alasan remeh seolah-olah menjadi perkara biasa

>>Oleh **FUAD HADINATA
YAACOB dan NORAINON
OTHMAN**

metahad@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Alasannya remeh, malah boleh dikatakan tidak masuk akal. Namun tindakan suami pulang lewat, lupa membeli makanan dipesan dan membuat minuman tanpa gula dikesan antara faktor menyebabkan pasangan suami isteri hari ini bercerai.

Selain itu, ada yang bercerai disebabkan pasangan lupa tarikh ulang tahun kelahiran atau perkahwinan dan suami sering bangun lambat akibat suka berjaga malam.

'Penemuan' itu bukan saja mengejutkan, tetapi turut menjadi faktor meningkatnya kes perceraian di negara ini pada tahun lalu dengan jumlah 22,289 kes berbanding 21,051 kes pada 2007.

Menceritakan fenomena 'cerai murahan' itu, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Kesuma (Bahagian Keluarga, Sosial dan Penguru-

san Masjid), Jabatan Kemaajuan Islam Malaysia (Jakim), Zawiah Hassan, berkata perceraian disebabkan alasan remeh seolah-olah menjadi perkara biasa dalam masyarakat masa kini.

Secara purata, beliau menerima sekurang-kurangnya lima panggilan telefon atau kiriman khidmat pesanan ringkas (SMS) sehari daripada suami atau isteri bermasalah.

Berdasarkan pengalaman, Zawiah menyenaraikan 200 faktor atau punca konflik dalam rumah tangga yang membawa kepada perceraian, sama ada pasangan baru berkahwin atau sudah lama.

Menurutnya, 200 faktor itu dikategorikan dalam 10 kelompok utama seperti tidak bertanggungjawab, kurang didikan agama, campur tangan pihak ketiga, perbezaan budaya, masalah seksual, ekonomi, kerjaya, kesihatan, akhlak atau sosial dan komunikasi.

"Ada kes isteri meminta cerai daripada suami selepas tiga hari berkahwin. Sejak itu, siang malam dia minta



ZAWIAH... perlu perhatian

cerai tanpa alasan kukuh.

"Puncanya kerana suami tidak beli makanan dipesan, lewat pulang, malah terlupa memasukkan gula dalam minuman pun menjadi alasannya untuk meminta cerai," katanya.

Menurutnya, hampir setiap hari si suami berdepan tekanan apabila isteri meminta cerai sejak perkahwinan mereka baru berusia tiga hari dan ia berlarutan hampir dua tahun sebelum dia membuat keputusan memenuhi tuntutan itu.

"Namun yang mengejutkan, selepas bercerai, isteri itu meminta rujuk kembali untuk hidup bersama bekas suami," kata Zawiah.

Selain itu, katanya, ada suami atau isteri menggunakan bahasa kasar tanpa menghiraukan perasaan pasangan masing-masing sehingga menghancurkan rumah tangga.

"Pasangan ini berkahwin 10 tahun tetapi suami suka cakap kasar atau kesat bila bergaduh seperti memanggil isterinya 'anak babi' dan 'mak babi'. Ada juga isteri memanggil suaminya 'beruk' dan 'babi' bila bergaduh.

"Disebabkan masalah komunikasi yang berlarutan, kemuncaknya mereka bercerai, malah ada kes suami cerai isteri talak tiga sekali gus," katanya.

Menurut Zawiah, ada juga perceraian berlaku apabila isteri menyimpan barangan pemberian bekas kekasih se-

Statistik perkahwinan dan perceraian seluruh negara 2007 - 2008

Negeri/Tahun	Perkahwinan		Perceraian	
	2007	2008	2007	2008
Perlis	2,884	1,768	309	458
Kedah	20,899	14,750	2,188	2,407
Pulau Pinang	4,458	4,388	917	937
Perak	11,220	11,778	1,551	1,951
Selangor	14,817	13,481	3,722	3,558
Kuala Lumpur	4,507	5,502	1,459	1,444
Negeri Sembilan	5,230	5,271	907	1,054
Melaka	3,559	4,084	758	889
Johor	13,241	15,932	1,931	2,329
Pahang	9,519	11,122	1,502	1,719
Terengganu	8,953	10,498	1,537	1,341
Kelantan	17,201	14,699	2,257	2,266
Sarawak	5,393	5,149	910	1,076
Sabah	10,144	11,327	1,040	746
Labuan	486	565	63	114
JUMLAH	132,511	130,314	21,051	22,289

Sumber: Bahagian Kesuma (Pembangunan Keluarga, Sosial dan Pengurusan Masjid) Jakim

> LIHAT MUKA 12